

02 AUG 1997

DR MAHATHIR LAWAT PUSAT PAMERAN MINES

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia (MINES) bernilai RM300 juta di Sungai Besi, yang merupakan pusat pameran terbesar di negara ini.

Beliau diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah, Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar dan beberapa menteri kabinet.

MINES ialah sebahagian daripada projek pembangunan Bandar Peranginan Mines yang dimajukan oleh syarikat Country Heights.

Dengan keluasan lantai 1.4 juta kaki persegi, dewan konvensyen MINES akan menjadikan Malaysia sebagai pusat pameran dan konvensyen utama di rantau Asia Pasifik.

Antara daya tarikannya ialah ruang tanpa tiang sepanjang 160 kaki, selebar 60 kaki dan setinggi 50 kaki manakala ruang pamerannya mempunyai keluasan 4.7 juta kaki padu dan dilengkapi dengan kemudahan telekomunikasi dan persidangan video terkini.

Pusat pameran dan konvensyen berkenaan ialah satu daripada tujuh komponen dalam Bandar Peranginan Mines yang antaranya merangkumi pusat membeli belah, pusat peranginan tepi pantai, sebuah hotel dan pusat perniagaan di tepi tasik.

-- BERNAMA

MAM MZ MAI